

ANALISIS KEPENTINGAN DAN MOTIF TATU DALAM BUDAYA MASYARAKAT IBAN MELALUI FALSAFAH “ALAM TAKAMBANG JADI GURU”

(*An Analysis of The Importance of Tattoo and Their Motifs in Iban Community Culture through the Philosophy of “Alam Takambang Jadi Guru”*)

*Mohammad Sufiyan Ali Osman*¹
alfiyanosman@gmail.com

*Adilawati Asri*²
adila25784@gmail.com

*Noria Tugang*³
tnoria@unimas.my

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia. ^{1,2 & 3}

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohammad Sufiyan Ali Osman, Adilawati Asri & Noria Tugang. (2024). Analisis kepentingan dan motif tatu dalam budaya masyarakat Iban melalui falsafah “Alam Takambang Jadi Guru”. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17(2), 221–236. [https://doi.org/10.37052/jm.17\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/jm.17(2)no3)

Received: <i>Peroleh</i>	23/2/2024	Revised: <i>Semakan</i>	17/7/2024	Accepted: <i>Terima:</i>	19/7/2024	Published online: <i>Terbit dalam talian</i>	24/7/2024
-----------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Penyelidikan ini menjelaskan tentang kearifan tradisi etnik Iban, iaitu tradisi bertatu. Pengamalan tradisi bertatu dalam etnik Iban dilihat sebagai satu kebudayaan yang unik kerana mempunyai penceritaan dan tujuan yang tersendiri. Simbolisme tatu dengan unsur alam semula jadi melalui konsep “alam takambang jadi guru” sering digunakan untuk menyatakan idea serta makna tentang budaya dan kehidupan. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti hubungan alam sebagai guru dalam etnik Iban, membincangkan

kepentingan tatu berunsur alam kepada etnik Iban dan menganalisis maksud motif tatu dalam etnik Iban. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif menggunakan kaedah pemerhatian penuh dan temu bual secara mendalam dengan informan. Hasil kajian mendapati bahawa etnik Iban percaya bahawa alam semula jadi mengajar manusia untuk berfikir secara kreatif. Oleh itu, melalui alam semula jadi, etnik Iban menghasilkan kreativiti yang menggunakan sumber alam pada tradisi bertatu yang menunjukkan kearifan tradisi dalam budaya etnik tersebut. Setiap peristiwa yang berlaku dalam kehidupan etnik Iban tidak dapat dipisahkan dengan alam semula jadi, iaitu mereka percaya bahawa alam semula jadi mempunyai roh, jiwa dan semangat yang perlu dihormati. Nilai estetika pada tradisi bertatu juga dapat dilihat pada motif yang dihasilkan dengan berinspirasikan alam semula jadi. Motif tatu berunsurkan alam semula jadi juga dianggap dapat menyuntik elemen kekuatan, melambangkan status sosial dan pencapaian seseorang dalam pelbagai perkara. Perkara ini menunjukkan bahawa alam semula jadi berperanan sebagai guru atau sebagai panduan bagi etnik Iban dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka.

Kata kunci: *Alam Takambang Jadi Guru*, alam semula jadi, etnik Iban, tradisi bertatu, motif, kearifan tradisi

Abstract

This research explains a local wisdom of the Iban ethnic group, that is, tattoo tradition. The practice of traditional tattooing in the Iban ethnic group is viewed as a unique culture because it has its own story and purpose. The symbolism of tattoos with elements of nature through the philosophy of “alam takambang jadi guru” is often used to express ideas and meaning about their culture and life. The objective of this study is to identify the relationship of nature as a teacher in the Iban ethnic group, discuss the importance of nature-based tattoo in the Iban ethnic group, and analyse the meaning of tattoo motifs in the Iban ethnic group. This research uses a qualitative approach through the methods of full observation and in-depth interview with informants. The result of the study found that the Iban ethnic group believe that nature teaches people to think creatively. Therefore, through nature, the Iban ethnic group produce creativity that uses natural resources of tattooing tradition to show local wisdom in their culture. Every event that occurs in the life of the Iban ethnic group cannot be separated from nature, that is, they believe that nature has spirit, soul, and strength that must be respected. The aesthetic value of the tattoo tradition can also be seen in the motifs produced with the inspiration of nature. Tattoo motifs with elements of nature are also considered to be able to inject elements of strength, symbolizing a person’s social status and achievements in various matters. This shows that nature acts as a teacher or as a guide for the Iban ethnic group in their daily life.

Keywords: *Alam Takambang Jadi Guru, nature, Iban ethnic group, tattoo tradition, motif, local wisdom*

PENDAHULUAN

Setiap masyarakat memiliki kearifan tradisi yang tersendiri termasuk etnik Iban. Etnik Iban dapat dikategorikan kepada dua golongan, iaitu mereka yang sudah menganuti agama-agama besar seperti agama Kristian dan Islam. Manakala golongan kedua pula adalah yang masih lagi mengamalkan kepercayaan warisan dan animisme. Pada zaman dahulu, tradisi bertatu dihasilkan oleh etnik Iban bagi tujuan tertentu sahaja, iaitu untuk melambangkan status sosial yang dimiliki oleh seseorang individu, perlindungan, keberanian, kekebalan dan simbol kepada pencapaian seseorang individu (Fujica anak Anggo, 2014). Hal ini demikian kerana pada zaman dahulu tatu tidak boleh dicacah sesuka hati pada badan seseorang individu yang belum memiliki pengalaman dan pencapaian tertentu dalam kehidupan mereka. Seiring dengan peredaran zaman, tradisi bertatu mengalami proses perubahan dari segi motif dan tujuan yang tersendiri di mana tatu digunakan sebagai perhiasan dan juga komersial. Selain itu, etnik Iban juga menganggap tradisi bertatu sebagai satu daripada warisan yang diwarisi secara bergenerasi di dalam keluarga mereka. Walaupun mengalami perbezaan dalam konteks pengamalannya dalam kehidupan sehari-hari, tradisi bertatu tetap menjadi simbol bagi melambangkan kebudayaan etnik Iban pada masa lampau sehingga kini.

Tradisi bertatu merupakan satu daripada gambaran jiwa, nilai sejarah dan budaya yang dimiliki oleh etnik Iban serta mempunyai cerita atau falsafahnya yang tersendiri. Keindahan pada tradisi bertatu dapat dilihat daripada aspek pembuatan dan penggunaan bahan-bahan daripada sumber alam semula jadi, kehalusan, ketekunan dan kesabaran pembuat tatu, pengamatannya terhadap alam semula jadi dan daya kreativiti dalam mencacah tatu pada bahagian tubuh seseorang individu.

Tradisi bertatu yang dijadikan sebagai simbol kepercayaan etnik Iban terhadap kuasa-kuasa luar biasa pada zaman dahulu kini lebih diperlihatkan sebagai tujuan perhiasan dan pengkomersialan. Hal ini demikian kerana pemikiran dan citarasa etnik Iban yang sentiasa berubah seiring dengan peredaran zaman. Keakraban etnik Iban dengan alam semula jadi telah memperlihatkan mereka berkomunikasi dengan alam semula jadi dalam melakukan kegiatan sehari-hari mereka. Masyarakat Iban menjadikan alam semula jadi sebagai sumber pengetahuan serta sumber idea untuk menyelesaikan sesuatu perkara dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Falsafah “Alam Takambah Jadi Guru”

Menurut Navis (1984), falsafah masyarakat Minangkabau ada menyebut tentang “alam takambah jadi guru” merujuk cara mereka menjadikan alam semula jadi sebagai ajaran dan pandangan (falsafah) hidup yang digambarkan dengan perkataan.

Melalui falsafah tersebut yang disesuaikan dengan cara hidup masyarakat Iban memperlihatkan keindahan alam dalam tradisi bertatu. Hal ini demikian kerana penerapan unsur alam semula jadi terhadap tradisi bertatu memperlihatkan nilai estetika dan nilai kesenian yang tersendiri yang menggambarkan pemikiran dan keunikan budaya etnik Iban. Perkara ini dapat dilihat melalui kreativiti masyarakat Iban dalam mengolah dan menginspirasikan alam semula jadi sebagai motif tatu dalam bentuk yang lebih abstrak dan peralatan yang digunakan untuk mencacah tatu.

Falsafah alam dalam bahasa dan budaya masyarakat Minangkabau juga dikaitkan dengan falsafah dan pemikiran Hamka (1979). Hamka (1979) berpandangan bahawa kehidupan manusia dengan alam semula jadi adalah saling berkait, seperti yang dinyatakan, iaitu “Alam terbentang luas dan manusia hidup di dalamnya”. Melalui kurniaan pancaindera dan akal yang boleh berfikir, manusia dapat menyaksikan alam itu dalam segala sifat dan tingkah laku termasuklah kebesaran, keajaiban dan keindahannya. Kehidupan manusia itu sendiri tidak dapat dipisahkan dengan alam.

Selain itu, elemen jiwa dan falsafah juga penting dalam memperlihatkan bentuk pemikiran manusia terhadap sesuatu perkara yang berkaitan dengan sesuatu hasil seni. Dalam sesebuah hasil seni, elemen bentuk tampak, unsur alam serta elemen jiwa dan falsafah merupakan gabungan yang mempunyai perkaitan yang penting dan berperanan dalam membentuk seni rupa sesuatu tradisi yang menyumbang kepada interpretasi falsafah *Alam Takambang Jadi Guru*.

KAJIAN LEPAS

Amalan mencacah tubuh dengan tatu dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak telah diamalkan sejak dahulu lagi, sejak etnik Iban masih lagi tinggal bersama *petara* (tuhan) mereka di menua *Panggau Libau*. Dalam etnik Iban, tatu lebih dikenali dengan sebutan ‘*pantang*’ (Sandin, 1967). Tradisi bertatu juga tergolong dalam warisan tidak ketara dalam budaya etnik Iban dan mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan etnik Iban (Fujica anak Anggo, 2014). Tradisi bertatu juga sering dikaitkan dengan kepercayaan etnik Iban terhadap petara dan kuasa-kuasa luar biasa yang selalu memberikan pertolongan kepada mereka ketika berada dalam kesusahan (Kiyai, 2021). *Petara* dan kuasa-kuasa luar biasa ini dipercayai tinggal di suatu tempat di antara langit dengan bumi yang dikenali sebagai *Panggau Libau*. Bagi etnik Iban, setiap motif tatu mengandungi nilai yang tinggi dan berfungsi sebagai suatu simbol (Sonny anak Jumpo & Mohammad Puad Bebit, 2020).

Asal usul tradisi seni tatu etnik Iban juga banyak bergantung kepada penceritaan generasi tua. Menurut Sandin (1967), dua elemen yang mempunyai kepentingan yang besar dalam budaya ialah warisan dan pusaka. Warisan merujuk pada kemahiran tempatan, kepercayaan dan nilai estetika yang dianugerahkan oleh *petara* (tuhan)

kepada etnik Iban, manakala pusaka merupakan sesuatu harta yang dimiliki oleh seseorang individu. Tradisi bertatu tergolong sebagai satu daripada warisan budaya yang penting dalam etnik Iban kerana tradisi ini melambangkan identiti diri mereka dan meletakkan diri mereka sebagai golongan yang lebih tinggi dalam masyarakat (Fujica anak Anggo, 2014). Muhammad Fakhri dan Yohanis (2015) menyatakan bahawa menurut generasi etnik Iban pada zaman dahulu, jika seseorang lelaki tidak mencacah tubuhnya dengan tatu, lelaki tersebut akan dianggap seperti perempuan dan pengecut. Etnik Iban juga tidak mempunyai status hierarki yang jelas. Pada zaman dahulu, kebiasaan individu yang mempunyai tatu ialah golongan pahlawan yang berjaya membunuh dan memenggal kepala musuh serta mempunyai pangkat yang tinggi dalam masyarakat seperti penghulu kampung, temenggung, pemanca, ketua kampung dan golongan pahlawan (Fujica anak Anggo, 2014).

Bagi etnik Iban, tradisi bertatu merupakan simbol kepada jati diri yang menggambarkan budaya etnik Iban (Kiyai, 2021). Mereka juga percaya bahawa tatu yang dicacah pada badan merupakan sesuatu yang suci dan membantu mereka di alam kematian. Tatu juga membolehkan etnik Iban mengenali dan membezakan suku kaum yang lain. Menurut Kiyai, 2021, tatu etnik Iban merupakan sebahagian daripada upacara tradisi yang berkaitan tentang kepercayaan etnik Iban terhadap *petara* dan kuasa luar biasa. Hal ini demikian kerana tatu yang dicacah pada badan diibaratkan sebagai anugerah daripada *petara* yang akan kekal pada badan seseorang sehingga tibanya waktunya ajal seseorang individu tersebut (Ganjing, 1988).

Tradisi bertatu mempunyai sebab dan tujuan yang berbeza mengikut budaya serta kepercayaan tertentu. Fungsi tatu dalam budaya etnik Iban pada zaman dahulu adalah untuk menggambarkan perbezaan keturunan, status sosial, keberanian, kekebalan diri dan kekayaan dalam kalangan masyarakat (Fujica anak Anggo, 2014). Etnik Iban juga akan mencacah tatu pada badan mereka sebelum mereka pergi mengembara ke sesuatu tempat sebagai tanda peringatan tempat asal mereka dan dipercayai dapat memberikan kekuatan kepada diri mereka semasa menghadapi cabaran sepanjang mengembara di sesuatu tempat. Oleh itu, semakin banyak tempat yang dijelajah, lebih banyak tatu yang dicacah pada tubuh mereka (Kiyai, 2021).

Tatu juga merupakan satu daripada elemen penting selepas kematian seseorang individu. Dalam budaya masyarakat Iban, tatu dipercayai dapat memberikan cahaya dan menjadi panduan kepada si mati untuk menuju ke alam *sebayan*, iaitu alam kematian (Ringah Kanyana & Zainurul Aniza Abd Rahman, 2015). Sesetengah motif tatu dipercayai dapat memberikan kerahmatan dan membantu si mati di alam kematian (Ringah Kanyana & Zainurul Aniza Abd Rahman, 2015). Keunikan tatu yang dicacah itu mendorong mereka untuk mencacah badan mereka dengan tatu supaya kelihatan lebih unggul daripada suku kaum lain (Rosline Sandai, 2012).

Menurut Gladys Tagie (2020), golongan kanak-kanak juga turut dicacah dengan tatu, iaitu bagi mereka yang sudah berusia sepuluh hingga sebelas tahun. Perkara ini menandakan bahawa mereka sudah bersedia untuk menyertai ekspedisi *ngayau* (memenggal kepala musuh). Tatu yang dicacah pada kanak-kanak juga mempunyai tujuan yang sendiri, iaitu sebagai pelindung kepada mereka daripada kejahatan dan menjadikan diri mereka kebal daripada serangan pihak musuh (Dewi Raihan Aryanti et al., 2022). Terdapat satu frasa yang sangat terkenal dalam kalangan masyarakat Iban, iaitu “*Bujang Berani Kempang, Lendat Dibiau Batang Isang*” yang membawa maksud semakin banyak kepala yang dibawa balik daripada memburu (*ngayau*), semakin banyak tatu yang akan dicacah pada badan pahlawan itu (Freeman, 1955).

Etnik Iban terkenal dengan kepelbagaian motif tatu yang penuh dengan nilai estetika dan pengaruhnya yang tersendiri, iaitu berunsurkan haiwan dan hidupan alam semula jadi (Gladys Tagie et al., 2020). Menurut Fujica (2016), antara contoh motif tatu tradisional masyarakat Iban ialah *Pala Tumpa*, *Buah Klauh*, *Bungai Terung*, *Ukir Rekung*, *Kala Pah*, *Entegulun*, *Buah Engkabang*, *Buah Andu* dan *Kara Jangkam*. Setiap motif tatu tersebut mempunyai reka letak yang tersendiri pada setiap bahagian badan. Reka corak motif tatu tersebut juga dipercayai berkait rapat dengan unsur perlindungan yang dapat melindungi masyarakat Iban daripada roh jahat, musuh, kemalangan dan penyakit (Dewi Raihan Aryanti et al., 2022).

Motif tatu yang ingin dicacah pada anggota badan juga tidak boleh dipilih secara sesuka hati kerana dikhuatir akan memudaratkan diri sendiri (Jensen, 1974). Tradisi bertatu merupakan sesuatu yang suci dan berkait rapat dengan kepercayaan etnik Iban terhadap kuasa luar biasa. Bagi golongan wanita, hanya mereka yang mempunyai kemahiran yang tinggi, seperti dalam aktiviti menenun, menganyam dan menari sahaja boleh mempunyai tatu pada pergelangan tangan. Golongan penenun ini juga lebih dikenali dengan gelaran *Indu Takar* atau *Indu Gaar* (Fujica anak Anggo, 2014). Namun begitu, motif tatu tersebut tidak boleh bercantum dengan motif lain kerana dipercayai boleh mendatangkan kemudaratkan kepada diri sendiri. Hal ini demikian kerana motif tatu etnik Iban banyak dipengaruhi oleh semangat serta kepercayaan mereka terhadap kuasa luar biasa dan persekitaran mereka (Dewi Raihan Aryanti et al., 2022).

Tatu Iban mempunyai motif dan cirinya yang tersendiri. Kebanyakannya motif tatu flora dicacah pada bahagian badan bertujuan untuk melakukan penyamaran dalam hutan semasa berlaku peperangan antara etnik Iban dengan suku kaum lain (Jensen, 1974). Antara contoh motif tatu yang dikenali dalam kalangan masyarakat Iban ialah motif naga, burung enggang dan anjing. Sutlive (1992) menyatakan bahawa motif tatu masyarakat Iban kebanyakannya berunsurkan haiwan mitos dan haiwan yang telah menolong mereka ketika dalam kesusahan atau waktu senang. Kesemua motif tatu

ini mempunyai maksud dan jalan cerita yang tersendiri dan menggambarkan status seseorang individu yang memiliki tatu tersebut.

Kajian ilmiah mengenai seni tatu oleh Kiyai (2021) pula membincangkan tentang konteks pembuatan, pantang larang dan fungsinya dalam kehidupan etnik Iban. Tradisi seni tatu perlu dipelihara dalam budaya etnik Iban agar dapat menjadi warisan kepada generasi akan datang (Sandin, 1967).

METODOLOGI

Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif, iaitu temu bual secara bersemuka dilakukan dengan informan. Senarai informan dan kepakaran mereka dapat dilihat dalam Jadual 1. Informan yang dipilih oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada bidang kepakaran mereka, iaitu berkaitan tentang tradisi bertatu dalam budaya etnik Iban.

Jadual 1 Senarai informan dan kepakaran.

Senarai Informan Penyelidikan	Kepakaran
Informan 1 (72 tahun), Sarikei	<i>Tuai Rumah</i>
Informan 2 (87 tahun), Sarikei	Penghulu Kampung
Informan 3 (77 tahun), Sri Aman	<i>Tuai Beburung</i>
Informan 4 (68 tahun), Sri Aman	<i>Indu Nengkebang Indu Muntang</i>
Informan 5 (87 tahun), Sri Aman	Pakar Budaya Iban
Informan 6 (68 tahun), Miri	<i>Lemambang</i>
Informan 7 (59 tahun), Kuching	Pakar Budaya Iban
Informan 8 (87 tahun), Kuching	Tokoh Politik dan Pakar Budaya Iban
Informan 9 (51 tahun), Kuching	Pakar Pembuat Tatoo Iban
Informan 10 (43 tahun), Kuching	Pakar Pembuat Tatoo Iban
Informan 11 (49 tahun), Miri	Pakar Pembuat Tatoo Iban
Informan 12 (33 tahun), Selangor	Penyelidik Budaya Iban
Informan 13 (33 tahun), Kota Samarahan	Penyelidik Budaya Iban
Informan 14 (33 tahun), Kuching	Pakar Pembuat Tatoo Iban
Informan 15 (48 tahun), Kuching	Pakar Pembuat Tatoo Iban
Informan 16 (35 tahun), Kota Samarahan	Pakar Pembuat Tatoo Iban
Informan 17 (35 tahun), Miri	Pakar Pembuat Tatoo Iban
Informan 18 (34 tahun), Bintulu	Pakar Pembuat Tatoo Iban
Informan 19 (41 tahun), Saratok	Pakar Pembuat Tatoo Iban
Informan 20 (44 tahun), Sibu	Pakar Pembuat Tatoo Iban

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hubungan Alam sebagai Guru dalam Etnik Iban

Etnik Iban menjadikan alam semula jadi sebagai sumber pemikiran dan panduan dalam pembentukan sahsiah manusia sejak zaman dahulu lagi (Mohammad Sufiyan Ali Osman, 2021). Adilawati Asri dan Noria Tugang (2021) menyatakan bahawa etnik Iban melihat alam semula jadi sebagai sumber yang mengandungi pelbagai makna yang boleh dijadikan panduan, ajaran dan juga sebagai pembimbing dalam meneruskan kehidupan. Selain itu, minda manusia terbina daripada alam semula jadi di sekelilingnya. Manusia mempelajari kejadian alam yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari mereka dan mencipta estetika hasil daripada pembelajaran mereka terhadap alam semula jadi. Oleh itu, alam dijadikan sebagai “guru”. Kehidupan manusia yang bersandar kepada alam semesta mewujudkan asimilasi yang sering memerlukan dalam kehidupan. Manusia memerlukan elemen alam seperti gunung, sungai, tumbuhan, tanah dan air untuk memastikan kelangsungan kehidupan yang lebih baik. Manakala, alam semesta memerlukan manusia sebagai penjaganya. Oleh itu, masyarakat Iban belajar dan berasimilasi dengan alam semula jadi sehingga wujudnya nilai estetika dalam kehidupan masyarakat tersebut (Adilawati Asri & Noria Tugang, 2021).

Penempatan etnik Iban di Sarawak yang dikelilingi oleh hutan tebal dan kaya dengan sumber alam membolehkan mereka mengambil inspirasi daripada alam semula jadi untuk dijadikan sebagai sumber idea dalam menghasilkan motif tatu yang mempunyai pelbagai reka bentuk dan corak yang menarik. Tradisi bertatu juga berperanan sebagai simbol kekuatan, keberanian, kekebalan, perlindungan dan status sosial seseorang individu yang amat penting dalam budaya masyarakat Iban (Mohammad Sufiyan Ali Osman, 2021).

Kewujudan alam semula jadi bukan sahaja sebagai sumber pembelajaran kepada etnik Iban, malah dapat membentuk daya intelektual dalam menyampaikan sesuatu perkara. Melalui pengamatan terhadap alam, etnik Iban dapat membentuk pemikiran dan kreativiti, seterusnya menzahirkan pemikiran mereka tentang alam dalam sesuatu perkara.

Elemen alam semula jadi memudahkan etnik Iban mencari ilham dan idea dalam menghasilkan motif tatu. Perkara ini memperlihatkan bahawa etnik Iban menjadikan unsur alam semula jadi sebagai sumber idea dan perlambangan bagi menghasilkan sesuatu reka bentuk dan motif tatu. Dengan wujudnya inspirasi daripada alam semula jadi dalam tradisi bertatu, maka lahirnya elemen jiwa dan falsafah.

Hasil kreativiti etnik Iban dalam warisan seni tatu membuktikan mereka berkomunikasi dengan alam semula jadi. Tambahan pula, kedudukan penempatan rumah panjang masyarakat Iban yang berada di kawasan hutan tebal membolehkan

mereka memahami alam semula jadi dengan lebih baik. Oleh itu, warisan kesenian ini perlu dipertahankan untuk diperturunkan buat generasi muda etnik Iban pada masa hadapan.

Kepentingan Tatuh Berunsur Alam dalam Etnik Iban

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, responden diajukan dengan soalan pertama, iaitu “Bagaimanakah tradisi seni tatu etnik Iban terbentuk?”. Menurut Informan 3, dalam budaya etnik Iban, tradisi bertatu selalu disebut dalam cerita dongeng atau *ensera* dan cerita rakyat etnik Iban. Hal ini dikukuhkan lagi dengan kajian oleh Sandin (1967) yang menyatakan bahawa terdapat beberapa legenda etnik Iban mencacah tatu atas arahan daripada *petara*. Motif tatu tersebut juga dikatakan berasal daripada dewa yang terdapat dalam cerita rakyat etnik Iban. Antaranya ialah *Keling Gerasi Nading Bujang Berani Kempang*, *Laja Mirah Moa Nekang Jerenang*, *Simpurai Muntigerai*, *Sepatu Manok Antu*, *Sepungga Lumpong Nangga* dan *Pandak Segatak* (Kiyai, 2021). Kesemua mereka merupakan dewa perang etnik Iban yang tinggal di *Panggau Libau* dan dipercayai mempunyai pemandangan yang indah dan unik (Kiyai, 2021).

Soalan seterusnya meninjau pandangan responden tentang pengetahuan mereka perihal peranan tatu dalam budaya etnik Iban- “Apakah peranan tatu dalam budaya etnik Iban?”. Menurut Informan 9, etnik Iban di Sarawak menganggap tatu bukan sahaja melambangkan status sosial, pencapaian dan pengalaman seseorang individu tersebut, malah tatu juga merupakan simbol kekuatan individu etnik Iban semasa berperang pada zaman dahulu. Menurut DeMello (2014), etnik Iban juga percaya bahawa tatu memberikan kekuatan untuk melindungi diri mereka.

Berdasarkan soalan temu bual “Bagaimanakah etnik Iban memperoleh inspirasi untuk menghasilkan tatu?”, Informan 10 menyatakan bahawa penggunaan unsur alam semula jadi menjadi sumber idea penghasilan seni tatu dalam etnik Iban. Misalnya, terdapat motif tatu diadaptasi daripada kewujudan flora dan fauna yang terdapat di sekitar penempatan etnik Iban. Berdasarkan soalan temu bual yang sama, menurut Informan 9 pula, mereka memerhati dan mula memikirkan keindahan alam semula jadi yang kemudian diterapkan kepada pembuatan motif tatu. Hal ini kerana unsur alam tersebut telah menjadi guru bagi menghasilkan tradisi budaya di samping menjana pemikiran dan idea mereka. Unsur alam semula jadi yang diterapkan pada tradisi bertatu memperlihatkan nilai estetika dalam karya seni tersebut.

Temu bual yang dijalankan untuk kajian ini juga meninjau sejauh mana amalan bertatu mempengaruhi kehidupan sehari-hari etnik Iban- “Bagaimanakah tradisi bertatu mempengaruhi kehidupan sehari-hari etnik Iban?”. Informan 5 menyatakan bahawa setiap elemen alam semula jadi yang terdapat di sekeliling mereka dianggap

mempunyai pengaruh yang besar. Selain itu, amalan bertatu yang diinspirasikan daripada sumber alam semula jadi ini dilihat sebagai satu daripada sumber rezeki yang boleh menjana kehidupan etnik Iban, seperti kerjaya sebagai pencacah tatu. Secara tidak langsung, amalan bertatu juga dapat terus “hidup” dan dapat diwarisi oleh kalangan generasi seterusnya.

Antara soalan lain termasuklah “Bagaimakah alam semula jadi dapat mewujudkan nilai seni dan estetika pada tradisi bertatu?”. Menurut Informan 16, nilai seni dan estetika pada seni tatu tercetus melalui falsafah etnik Iban yang tercipta daripada keindahan alam semula jadi. Penghasilan seni tatu oleh seseorang pencacah tatu bukan sahaja menunjukkan kemahiran kreatif, malah memperlihatkan kejiwaan dan kerohanian seseorang pencacah tatu tersebut. Pada masa yang sama, menurut Informan 18 pula, perkara tersebut juga mencerminkan identiti dan simbol budaya etnik Iban. Faktor mengenai cara untuk membentuk jati diri seseorang pencacah tatu adalah bergantung kepada kreativiti dan kerajinan individu tersebut. Jika dilihat dan dihayati, nilai seni dan estetika yang terdapat pada tradisi bertatu merupakan satu wadah yang menjadi perantara antara pencipta seni dengan jiwa penerima seni, iaitu sama ada etnik Iban atau masyarakat lain. Dalam konteks pembuatan tatu, tatu dihasilkan dengan teliti agar memperlihatkan kekayaan sumber alam semula jadi yang seterusnya menyumbang kepada nilai estetika dan seni dari aspek rupa dan jiwa yang dilihat boleh berkomunikasi dalam etnik Iban, di samping gambaran tentang budaya etnik Iban. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa pemikiran dan minda manusia adalah terbina daripada kewujudan alam semula jadi dalam kehidupan mereka. Melalui kreativiti dan kehalusan kerja tangan oleh individu yang menjadikan alam semula jadi sebagai sumber belajar dan inspirasi, maka tradisi bertatu yang dihasilkan mempunyai nilai estetika dan kearifan tradisi yang menggambarkan budaya etnik Iban.

Maksud Motif Tatu dalam Budaya Etnik Iban

Setiap masyarakat mempunyai kearifan tradisi yang tersendiri. Berdasarkan pendapat Informan 8, bagi etnik Iban, kearifan tradisi yang berkaitan dengan tradisi bertatu dalam budaya etnik Iban diperlihatkan melalui motif, ragam hias, reka letak, nilai estetika dan seni.

Menurut Informan 19, setiap motif tatu yang dihasilkan mempunyai maksud yang tertentu di samping menunjukkan keupayaan etnik Iban berasimilasi dan berinteraksi dengan alam semula jadi. Antara motif tatu yang terkenal dalam budaya etnik Iban ialah motif tatu *bungai terung*, *kelingai*, *entegulun*, *ukir rekong*, *kala pah*, *buah andu*, *ketam itit*, *pala tumpa*, *bungai tengkawang*, *kera nyangkam*, *nabau*, *remaung* dan *antu gerasi*.

Menurut Informan 1, tatu *bungai terung* merupakan motif tatu yang paling terkenal dalam budaya etnik Iban. Motif tatu *bungai terung* merupakan tatu yang dicacah pada bahagian bahu golongan lelaki etnik Iban. Menurut Informan 1 lagi, tatu ini dipercayai memberikan kekuatan kepada bahu kerana segala beban atau aktiviti yang berat akan dipikul oleh bahu. Motif tatu ini mempunyai lapan kelopak bunga dan mempunyai corak berbentuk pusaran pada bahagian tengah yang dipercayai melambangkan kemunculan kehidupan baru dalam etnik Iban. Tatu ini merupakan azimat bagi individu etnik Iban yang mengembara ke tempat yang jauh. Selain itu, tatu ini juga merupakan petanda kepada individu etnik Iban yang menguasai ilmu pengetahuan dan mempunyai banyak pengalaman dalam hidup.

Seterusnya, motif tatu *entegulun* juga amat dikenali dalam budaya etnik Iban. Menurut Informan 14, motif tatu ini dicacah pada bahagian belakang tangan dan juga bahagian jari individu etnik Iban. Mengikut kepercayaan etnik Iban, tatu ini hanya boleh dicacah setelah seseorang itu berjaya membunuh dan memenggal kepala musuh dalam tradisi *ngayau* atau pemburuan kepala. Bagi golongan wanita etnik Iban pula, tatu ini dicacah pada bahagian jari, lengan, kaki dan paha untuk melambangkan status sosial dan pencapaian mereka dalam pelbagai perkara. Antaranya termasuklah mereka yang mempunyai kemahiran menenun pua kumbu, menari, menyanyi, berpantun dan memasak. Oleh itu, tatu tersebut juga berfungsi sebagai perhiasan diri, iaitu semakin banyak tatu dicacah pada badan mereka, semakin cantik dan semakin banyak pengetahuan yang diperoleh dalam semua perkara.

Informan 2 pula menyatakan bahawa motif tatu *ukir rekung* merupakan tatu yang dicacah pada bahagian leher individu etnik Iban. Tatu ini dibuat adalah untuk melambangkan perkembangan dari status golongan biasa kepada status golongan yang dihormati. Antara individu yang berstatus dihormati termasuklah ketua kampung dan golongan pahlawan yang sudah melakukan kegiatan memburu dan panglima. Perkembangan status pada seseorang individu tersebut dapat dilihat berdasarkan tatu yang dicacah pada bahagian leher. Hal ini kerana bahagian leher merupakan bahagian tubuh yang paling sukar untuk dicacah dengan tatu dan perkara ini dipercayai dapat menguatkan semangat individu tersebut.

Motif tatu *Kala Pah* pula digambarkan dengan imej kala jengking yang dibuat berdasarkan imej anjing dan naga yang dikaitkan dengan unsur perlindungan daripada serangan musuh dan roh jahat. Motif tatu ini dicacah pada bahagian peha dan betis bagi memberikan kekuatan kepada bahagian kaki seseorang individu tersebut. Menurut Informan 8, golongan individu yang memiliki tatu ini berperanan sebagai *tuai burung* dan golongan pahlawan dalam etnik Iban. Bagi golongan pahlawan Iban, mereka yang memiliki tatu ini digambarkan mempunyai perwatakan

seperti seekor kala jengking yang menyerang musuh secara menyerang hendap dan melumpuhkan kekuatan pihak musuh tanpa disedari oleh mereka. Bagi golongan wanita masyarakat Iban, motif tatu ini dicacah pada badan mereka bagi memberi kekuatan untuk menghadapi gangguan roh atau semangat jahat semasa menenun. Menurut kepercayaan generasi tua etnik Iban, Informan 4 menyatakan bahawa roh jahat tersebut dipercayai berasal daripada pewarna merah darah yang digunakan untuk menenun *pua kumbu*. *Pua kumbu* digunakan untuk tujuan upacara menyambut kepala musuh yang telah dipenggal oleh golongan pahlawan Iban.

Di samping itu, Informan 17 berkongsi tentang motif tatu *ketam itit* yang juga terkenal dalam kalangan etnik Iban kerana keunikannya seperti simbol naga yang mempunyai dua kepala. Motif tatu ini dicacah pada bahagian lengan dan disertakan dengan corak perut naga yang berbeza serta bergantung kepada mimpi yang dialami oleh seseorang individu tersebut. Tatu ini melambangkan kekuatan pada bahagian belakang ketam untuk melindungi diri daripada semangat jahat. Selain itu, tatu ini juga dipercayai dapat membantu dan menyelamatkan mereka apabila mereka tersesat atau lemas di laut. Hal ini kerana etnik Iban pada zaman dahulu mempercayai bahawa dewa laut seperti *bunsu ikan*, *bunsu ketam* dan *bunsu udang* akan membantu mereka apabila mengalami kesusahan.

Seterusnya, Informan 11 turut berkongsi tentang motif tatu *Buah Andu* yang diinspirasikan daripada buah andu yang menjadi makanan harian dalam kehidupan etnik Iban. Kebiasaannya, motif tatu ini dicacah pada bahagian belakang paha individu lelaki Iban. Tatu ini melambangkan buah andu yang dijadikan sebagai makanan utama untuk mengalas perut apabila sedang merantau di pelbagai tempat untuk mencari pengalaman. Buah andu merupakan sejenis buah yang berasal dari hutan Borneo yang mempunyai rasa seperti kacang tanah dan bentuk buah ini dikatakan juga menyerupai binatang. Individu yang mempunyai tatu ini juga digambarkan sebagai seseorang yang berjiwa kental dan mampu menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka.

Di samping itu, motif tatu *Pala Tumpa* bermaksud gelang tangan dalam kebudayaan etnik Iban. Tatu ini kebiasaannya dicacah pada bahagian pergelangan golongan wanita Iban. Menurut Informan 4, motif tatu ini dicacah pada pergelangan tangan golongan wanita Iban bagi menggambarkan kepandaian dan kerajinan golongan wanita Iban dalam kegiatan menenun *pua kumbu*, *ngajat* (menari), pandai memasak dan bijak dalam mengurus kehidupan rumah tangga. Di samping itu, tatu ini juga berfungsi sebagai unsur kecantikan diri dan perhiasan bagi golongan wanita Iban. Tatu ini juga dipercayai dapat melindungi golongan penenun *pua kumbu* daripada gangguan semangat atau roh jahat semasa melakukan aktiviti menenun

pua kumbu yang dianggap suci. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, tatu ini hanya boleh dimiliki oleh individu yang mendapat pengiktirafan dalam kemahiran menenun pua kumbu kerana kemahiran tersebut melambangkan status sosial yang tinggi bagi golongan wanita Iban.

Motif tatu *Kera Nyangkam* pula diinspirasikan daripada pokok ara yang menjadi parasit, tetapi tidak merosakkan tanaman. Kebiasaannya, motif tatu ini dicacah pada bahagian paha bagi individu etnik Iban yang merantau ke tempat yang jauh untuk mencari pengalaman. Menurut Informan 20, tatu ini juga menggambarkan seseorang individu yang mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat, pernah membuka penempatan baharu dan juga selalu berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Golongan individu yang memiliki tatu ini juga digambarkan sebagai seseorang individu yang berani, tangkas dan mempunyai pergerakan yang lincah serta mempunyai fizikal yang kuat. Informan 19 pula menyatakan bahawa individu yang memiliki tatu ini digambarkan mempunyai sifat seperti seekor kera yang selalu bergayut dari satu pokok ke pokok yang lain bagi mencari rezeki dan tempat tinggal baharu. Tatu ini juga dipercayai dapat memberikan kekuatan kepada pemiliknya dalam menghadapi cabaran ketika berada dalam kesusahan di tempat yang dijelajahinya.

Dalam etnik Iban, motif tatu *Antu Gerasi* merupakan motif tatu yang dianggap berbahaya dan paling tinggi darjatnya. Motif ini melambangkan unsur kekuatan dan kekebalan pada diri pemiliknya dan berperanan menjaga dan melindungi nyawa pemiliknya. Hal ini kerana unsur *Antu Gerasi* tersebut dianggap sebagai perisai atau senjata kepada manusia untuk mengelakkan diri mereka daripada gangguan roh dan semangat jahat. Menurut Informan 10, dalam kepercayaan etnik Iban, tidak semua individu boleh memiliki motif tatu ini kerana motif ini memperlihatkan perwatakan diri seseorang yang kuat dan ditakuti, serta digeruni oleh pihak musuh. Motif tatu ini juga kebiasaannya dimiliki oleh golongan pahlawan yang banyak berkorban menentang pihak musuh dan berjasa dalam masyarakat Iban. Oleh itu, setiap kali pencacah tatu memulakan aktiviti mencacah motif tatu yang dianggap berbahaya ini, mereka perlu mengadakan ritual *miring* dengan tujuan memohon kebenaran kuasa luar biasa agar memberkati individu yang dicacah dengan tatu ini. Motif tatu ini diinspirasikan oleh etnik Iban daripada *Antu Gerasi* yang merupakan makhluk yang ditakuti dan digeruni dalam kepercayaan mereka. Oleh itu, individu yang mempunyai motif tatu ini mempunyai status sosial yang tinggi dan disanjungi oleh masyarakat Iban.

KESIMPULAN

Kewujudan sesuatu tradisi budaya tersebut sebenarnya mencerminkan sesebuah kearifan tradisi masyarakat yang bertamadun dan berintelektual tinggi. Kearifan tradisi dan kepandaian etnik Iban menyebabkan mereka mampu menjadikan alam semula jadi sebagai simbol yang diterjemahkan kepada penghasilan motif tatu. Oleh itu, alam dilihat berfungsi sebagai guru bagi etnik Iban dalam proses pembelajaran secara tidak formal dalam kehidupan mereka. Sifat alam diterjemahkan sebagai simbol dalam tradisi bertatu sekali gus memperlihatkan nilai estetika pada kebudayaan mereka. Etnik Iban menjadikan alam semula jadi sebagai motif tatu utama mereka kerana keakraban mereka dengan alam semula jadi. Selain melambangkan status sosial, pencapaian dan pengalaman seseorang, tatu berunsurkan alam dalam etnik Iban juga penting sebagai lambang pembentukan daya pemikiran mereka, dan juga menjadi sumber pendapatan bagi golongan pencacah tatu yang memastikan tradisi ini sentiasa “hidup” dalam kebudayaan etnik Iban. Kepelbagaiannya motif tatu yang kebanyakannya diinspirasikan daripada sumber alam semula jadi jelas menunjukkan bahawa falsafah “Alam Takambang jadi Guru” terus relevan dalam menterjemahkan kebudayaan dan kearifan tradisi masyarakat Iban.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) atas sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohammad Sufiyan Ali Osman: Penulisan makalah; Adilawati Asri: Sumber idea bagi penulisan dan semakan penulisan makalah; Noria Tugang: Sumber idea bagi penulisan makalah.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

RUJUKAN

- Adilawati Asri & Noria Tugang. (2020). Parang ilang sebagai interpretasi falsafah alam takambang jadi guru dalam budaya masyarakat Iban. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 1–18.
- DeMello, M. (2014). *Body studies: An introduction*. Routledge.
- Dewi Raihan Aryanti, Shiska Sumawinata & Nurdiani Fathiraini. (2022). Tradisi tatu Dayak sebagai simbol strata sosial. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3, 39–44.
- Freeman, J. D. (1955). *Iban agriculture: A report on the shifting cultivation of hill rice by the Iban of Sarawak*. Her Majesty's Stationery Office.
- Fujica Anak Anggo. (2016). *Seni motif tatu tradisional masyarakat Iban dan masyarakat Kayan-Kenyah di Sarawak*. [Tesis]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Ganjing, A. A. (1988). *Basic Iban design: An introduction*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gladys Tagie, Nurul Shima Taharuddin & Noor Aileen Ibrahim. (2020). The “kelingai motif” in Iban’s tattoo motif: A case study of Kampung Gayau Ulu Pantu, Sri Aman Sarawak. *Ideology Journal*, 5(1), 8–16. <https://doi.org/10.24191/ideology.v5i1.180>
- Hamka. (1979). *Filsafat ketuhanan*. Penerbitan Abbas Bandong.
- Jensen, E. (1974). *The Iban and their religion*. Clarendon Press.
- Kiyai, G. (2021). Sejarah budaya Ngayau dalam masyarakat Iban di Sarawak. *Jurnal Borneo Arkhaialogia* (Warisan, Arkeologi dan Sejarah), 6(1), 121–137.
- Lamnek. (1995). Qualitative analysis in spesific contexts. Dlm. Sarantakos S., *Social Research* (1993), hlm.305–306. Riverina.
- Mohammad Sufiyan Ali Osman, Adilawati Asri & Shaikh Azahar Shaik Hussain. (2021). Falsafah alam takambang jadi guru dalam kearifan tradisi masyarakat Iban: Seni tatu. *Asian People Journal (APJ)*, 4(2), 1–15.
- Muhammad Fakhri & Yohanis Franz La Kahija. (2015). Menelusuri kehidupan pantang Iban: Gambaran psikologis manusia berbudaya tato Sebuah interpretative phenomenological analysis. *Jurnal EMPATI*, 4(2), 51–57. <https://doi.org/10.14710/empati.2015.14891>
- Navis, A. A. (1984). *Alam terkembang jadi guru: Adat dan kebudayaan Minangkabau*. GrafiPers.
- Pringle, R. (2010). *Rajah and rebels: The Ibans of Sarawak under Brooke Rule: 1841–1941*. Second Publication.
- Ringah Kanyana & Zainurul Aniza Abd Rahman. (2015) Exploring the semiotics of the Dayak motifs in Sarawak. [Prosiding]. Conference Proceedings of Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS). School of Social Sciences, Pulau Pinang, Malaysia, pp. 167–175.

- Rosline Sandai. (2012, 6–8 November). *Mimpi sebagai sumber pengetahuan peribumi masyarakat Iban*. [Kertas kerja]. Simposium Bahasa dan Budaya Iban dan Folklor Borneo Kalimantan. Kuching, Sarawak.
- Sandin, B. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo before White Rajah rule*. Macmillan.
- Sonny anak Jumpo & Mohammad Puad Bebit. (2020). A deconstruction of the traditional Bunga Terung tattoo and the sequence of its application among Iban men from Julau, Sarawak, Sungai Utik and Sungai Sadap putussibau Indonesia. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 6(1), 77–86. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v6i1.2794>
- Sutlive, V. H. Jr. (1992). *The Iban of Sarawak: Chronicle of a vanishing world*. S. Abdul Majeed & Co.